

TEMA

Tema novel ini ialah cabaran hidup remaja dalam usaha mengubah suai mesin terpakai yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk kampung. Hal ini dibuktikan menerusi watak Amir dan Usamah yang ingin mengubah suai mesin rumput terpakai menjadi mesin mencangkul tanah dengan bantuan Profesor Othman yang meminjamkan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik. Apabila usaha tersebut diketahui oleh Aswan, lelaki tersebut ingin menyaingi rakannya itu dengan mencipta model yang sama tetapi berbeza fungsinya. Aswan melakukan jalan pintas dengan mencuri Formula Dua Hukum Popular Termodinamik.

WATAK DAN PERWATAKAN**1. Amir (Watak Utama)**

- a) Seorang yang pemaaf dan tidak berdendam. Sebagai contoh, Amir memaafkan Aswan walaupun banyak kesalahan yang dilakukan oleh Aswan terhadap dirinya.
- b) Seorang yang kreatif dan inovatif. Sebagai contoh, Amir mencipta mesin 2 dalam 1 berpandukan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik dan menggunakan kreativiti dan inovasi.
- c) Seorang yang bijaksana. Sebagai contoh, Amir membuat rancangan untuk memberkas penjenayah yang mencuri baja subsidi penduduk kampung dengan bijaksana.
- d) Seorang yang penyayang. Sebagai contoh, Amir menyayangi neneknya.
- e) Seorang yang bersungguh-sungguh. Sebagai contoh, Amir mencipta mesin 2 dalam 1 dengan bersungguh-sungguh dan hasilnya, mesin tersebut mendapat sambutan penduduk kampung.

2. Usamah (Watak Sampingan)

- a) Seorang yang kreatif dan inovatif. Sebagai contoh, Usamah mencipta mesin 2 dalam 1 berpandukan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik dan menggunakan kreativiti dan inovasi.
- b) Seorang yang penyayang. Sebagai contoh, Usamah menyayangi neneknya.
- c) Seorang yang bersungguh-sungguh. Sebagai contoh, Usamah mencipta mesin 2 dalam 1 dengan bersungguh-sungguh dan hasilnya, mesin tersebut mendapat sambutan penduduk kampung.
- d) Seorang yang kurang sabar. Sebagai contoh, Usamah berasa sangat marah apabila seorang pengguna Internet yang menghantar e-mel kepada Amir untuk meminta maaf tidak menjawab pertanyaan mereka.

PERSOALAN

1. Rasa kecewa apabila orang yang dikasihi akan berkahwin dengan orang lain,
 - contohnya Amir berasa kecewa apabila mendapat tahu Asma akan berkahwin dengan Asman menyebabkan dia terjelopok lalu tapak tangannya terluka.
2. Sikap iri hati terhadap kebolehan orang lain
 - contohnya Aswan berasa tergugat apabila mendapat tahu Amir dan Usamah boleh mengubah suai mesin rumput terpakai menjadi mesin mencangkul tanah. Dia juga yakin mampu mencipta mesin yang boleh berfungsi menanam padi, lalu mencuri formula Dua Hukum Popular Termodinamik.
3. Selain itu persoalan pengaruh rakan sebaya yang boleh merosakkan diri
 - contohnya Fikri dan Majibon berakhhlak mulia, tetapi sanggup bersekongkol melakukan perbuatan yang negatif hasil persahabatannya dengan Aswan.
4. Mengambil jalan singkat untuk kesenangan diri sendiri sehingga menyusahkan orang lain
 - contohnya Lahop dan Oyong mencuri harta pertanian penduduk Kampung Warisan sehingga menyusahkan penduduk kampung.

LATAR TEMPAT

1. Sebuah rumah dua tingkat
 - terletak di Putatan dan pejabat itu kepunyaan Damit.
2. Kampung Warisan, Papar
 - iaitu tempat kelahiran Amir dan Usaniah dan di kampung itulah proses mengubah suai mesin dilakukan berdasarkan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik, sehingga terhasilnya mesin 2 dalam 1 untuk dimanfaatkan oleh para petani.
3. Tapak semaihan, di Kampung Warisan,
 - iaitu tempat mesin 2 dalam 1 digunakan untuk menggantikan cangkul.
4. Lapangan terbang
 - iaitu tempat Amir dan Usamah dihantar oleh ahli keluarga mereka sebelum berlepas ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran.

LATAR MASYARAKAT

1. Masyarakat yang berpendidikan tinggi. Contohnya, Asma menuntut maktab perguruan, manakala Amir dan Usamah pula merupakan penuntut politeknik serta bakal melanjutkan pelajaran ke luar negara.
2. Masyarakat yang masih mengamalkan sikap bergotong-royong. Contohnya, orang kampung bergotong-royong untuk menyiapkan sawah milik nenek Amir.
3. Masyarakat yang masih mempunyai sifat iri hati dan hasad dengki apabila melihat kejayaan Amir dan Usamah mengubah suai mesin rumput.
4. Masyarakat golongan muda yang mengamalkan semangat kerjasama. Contohnya, Adin yang sedang menunggu keputusan SPM mengajak Amir dan Usamah untuk membantu mangsa banjir yang telah pindah di kampung mereka.
5. Masyarakat yang suka mengambil kesempatan dan mementingkan diri sendiri. Contohnya, Aswan telah mencuri pemacu pena [pen drive] milik Amiryang mengandungi Formula Termodinamik demi kepentingan.

NILAI MURNI

1. Kerjasama

- contohnya penduduk Kampung Warisan, Papar bergotong-royong mengusahakan padi untuk memastikan kerja-kerja pertanian dapat dilakukan dengan lebih cepat.

2. Kasih sayang

- contoh Intan berasa risau dan amat bimbang akan keselamatan Amir apabila anaknya itu meninggalkan rumah tanpa memberi sebarang pesan.

3. Kejujuran

- contohnya Fikri menentang hasrat Aswan memindahkan wang Syarikat Bahagia sebayak RM1.3 juta kerana menganggap perbuatan itu tidak bermoral.

4. Keberanian

- contohnya Amir berani menyerbu masuk ke dalam pondok untuk menangkap penjenayah yang mencuri harta benda penduduk Kampung Warisan.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah mengamalkan sikap bekerjasama

- contohnya penduduk Kampung Warisan, Papar bergotong-royong mengusahakan padi untuk memastikan kerja-kerja pertanian dapat dilakukan dengan lebih cepat.

2. Kita semestinya memiliki sikap kasih sayang

- contoh Intan berasa risau dan amat bimbang akan keselamatan Amir apabila anaknya itu meninggalkan rumah tanpa memberi sebarang pesan.

3. Kita sewajarnya memiliki sikap jujur

- contohnya Fikri menentang hasrat Aswan memindahkan wang Syarikat Bahagia sebayak RM1.3 juta kerana menganggap perbuatan itu tidak bermoral.

4. Kita hendaklah memiliki sikap berani

- contohnya Amir berani menyerbu masuk ke dalam pondok untuk menangkap penjenayah yang mencuri harta benda penduduk Kampung Warisan.

NOVEL TINGKATAN 2 - NOVEL JEJAK MONPUS (Zulaiha Paikon)

TEMA

Novel ini membawa tema hasil inovasi sains dapat membantu kehidupan manusia. Zahar, seorang mahasiswa jurusan Sains Hayat, UTM yang begitu berminat dalam kajian berkaitan kehidupan serangga. Dia begitu risau apabila mendapati ulat bulu spesies Pus Pus kesayangannya hampir pupus. Di Pulau Pisang, Zahar menemui Monarch, iaitu spesies ulat bulu yang baharu. Zahar mendapati abdomen Monarch mengeluarkan cecair kuning merah yang melekit, lalu cecair tersebut dititiskan dalam balang yang berisi cecair Pus Pus. Hasil cantuman tisu Pus Pus dengan ulat bulu baharu yang ditemuinya itu melahirkan spesies yang sangat unik lalu Zahar memberi nama Morgan. Tidak lama selepas itu, Kampung Maju Jaya, tempat tinggal Zahar diserang ulat bulu berintik hitam. Dia mengetahui bahawa wabak tersebut berpunca daripada rangsangan Morgan terhadap ulat bulu berintik hitam di kampungnya. Dalam usaha untuk mencari penawar, Zahar terpaksa mengorbankan Morgan kesayangannya. Zahar meneruskan misi mencari penawar dan terhasillah MONPUS, sejenis agen biologi. Hasil inovasinya itu, dia meraih anugerah dalam majlis Anugerah Produk Inovasi, UTM. Kejayaannya mencipta MONPUS melayakkannya dia menerima Anugerah Akademik Negara serta Biasiswa Kerusi Canselor.

WATAK DAN PERWATAKAN

Watak Utama : Zahar

- (a) watak dinamik dan merupakan watak utama penggerak cerita.
- (b) anak tunggal dalam keluarga dan berumur 22 tahun.
- (c) ayahnya meninggalkan keluarga sewaktu dia berumur 10 tahun.
- (d) dia tinggal bersama-sama dengan ibunya, iaitu seorang guru di Kampung Maju Jaya.
- (e) dia amat menyayangi ibunya yang hidup tanpa suami.

Watak Sampingan :

1. Qistina Asraf

- (a) ibu kepada Zahar.
- (b) cantik dan bergaya walaupun umurnya dalam lingkungan 40-an.
- (c) seorang yang tegas.
- (d) pandai memasak dan Zahar menyukai masakan ibunya.
- (e) aktif dalam persatuan penulis Johor.

2. Profesor Dr. Baharudin

- (a) ayah kepada Zahar dan bekas suami Qistina.
- (b) seorang saintis yang terkenal di Universiti Oxford, London.
- (c) berhijrah dari Malaysia selepas berpisah dengan Qistina.
- (d) berkahwin lain dan menetap di London.
- (e) mempunyai sikap tidak bertanggungjawab kerana meninggalkan anak dan isteri tanpa sebarang cerita.

3. Mawar

- (a) Mawar merupakan rakan sekuliah dan sekampung dengan Zahar.
- (b) dia tinggal bersama-sama dengan keluarga di Ladang South Malaya, kira-kira lima kilometer dari kampung Zahar.
- (c) merupakan anak sulung daripada lima beradik.
- (d) seorang yang sangat mengambil berat akan diri Zahar. Sewaktu Zahar terjatuh di Kem Kaizen dan ditikam oleh Ripin, dia berasa sangat sedih dan memberikan kata-kata semangat kepada Zahar untuk pulih.
- (e) bertanggungjawab memberikan inspirasi kepada Zahar selain ibunya, Qistina.

4. Munirah

- (a) Munirah ialah rakan sekuliah Zahar di universiti.
- (b) seorang yang cemburu kerana tidak senang melihat Mawar dan Zahar berbaik-baik.
- (c) menyimpan perasaan untuk memikat Zahar walau dengan apa-apa cara sekalipun.
- (d) merupakan ahli kumpulan “White Rose”, iaitu kumpulan belajar di universiti.
- (e) seorang yang optimistik dan suka akan cabaran.

5. Fikri

- (a) rakan sekuliah dengan Zahar.
- (b) sahabat baik Zahar.
- (c) menjadi teman Zahar sewaktu mereka mencari spesies Pus Pus di Pulau Pisang.
- (d) membantu Zahar membuat penyiasatan hingga tertangkapnya Ripin dan rakannya.
- (e) menjadi tempat Zahar mengadu apabila ditimpa masalah.

6. Malcom Tan

- (a) sahabat baik Zahar dan Fikri.
- (b) rakan sekuliah Zahar.
- (c) mempunyai hubungan baik dengan keluarga Zahar.
- (d) bersama-sama dengan Fikri menemani Zahar semasa di Pulau Pisang.

7. Ripin

- (a) kutu kampung yang terlibat dalam aktiviti menghidu gam.
- (b) ditangkap dan dibelasah oleh Zahar sewaktu mencuba mencuri tong gas di rumahnya.
- (c) berdendam dengan Zahar selepas peristiwa tersebut.
- (d) menuduh Zahar sebagai punca ulat bulu menyerang Kampung Maju Jaya.
- (e) cemburu akan kejayaan Zahar yang sering mendapat anugerah dan pingat.

8. Faridah

- (a) pelajar Qistina.
- (b) suka membantu guru.
- (c) seorang pelajar yang bijak, cerdas dan sering dijadikan contoh di dalam kelas.
- (d) anak tunggal.
- (e) anak saudara Profesor Dr. Baharuddin.

9. Wak Buik

- (a) seorang pawang.
- (b) sangat berani.
- (c) berketurunan Bugis Riau.
- (d) membuka pulau pisang untuk didiami penduduk.
- (e) dipercayai mati kerana menjadi mangsa serangan lanun.

10. Pak Naib

- (a) Pak Naib ialah ketua Kampung Maju Jaya.
- (b) seoarang ketua yang tegas dan adil.
- (c) menjadi tempat orang kampung mengadu hal.
- (d) seorang yang sabar dan tidak bertindak melulu.
- (e) mementingkan perbicangan sebelum mengambil tindakan.

PERSOALAN

1. Kasih sayang ibu terhadap anaknya

- contohnya Qistina amat menyayangi anaknya, Zahar. Dia bimbang akan keselamatan Zahar apabila penduduk kampung menyalahkan anaknya itu gara-gara membiaknya ulat bulu berintik hitam, lalu dia mencadangkan kepada anaknya itu agar memusnahkan makmalnya. Qistina juga mencadangkan agar mereka berpindah rumah sahaja.

2. Keprihatinan terhadap penjagaan alam sekitar

- contohnya Zahar risau apabila memikirkan generasi muda yang tidak mewarisi keindahan alam semula jadi disebabkan berlakunya pencemaran alam. Masyarakat pula tiada keinginan untuk menjaga alam sekitar. Banyak pencemaran telah berlaku sehingga mencemarkan keindahan Hutan Paya Bakau Tanjung Piai, sedangkan masyarakat bertanggungjawab melestarikan hutan paya bakau tersebut yang merupakan lokasi ekopelancongan negara.

3. Persoalan perasaan dendam telah merugikan diri sendiri

- contohnya Ripin seorang samseng kampung yang suka bergaduh dengan orang yang tidak sebulu dengannya. Sebelum ini dia berkelahi dengan Zahar. Isu serangan ulat bulu berintik hitam menyebabkan dia melibas bahu Zahar dengan pisau sehingga dia ditangkap polis. Walaupun dibebaskan, dia tetap tidak insaf. Dia berterusan memburukkan nama Zahar. Akhirnya dia ditangkap kerana terlibat dalam kes penipuan benih cambah sawit yang dijalankan secara haram serta pemalsuan dokumen urus niaga.

4. Tanggungjawab guru terhadap muridnya

- contohnya Qistina amat prihatin terhadap kebajikan dan perkembangan kemajuan pendidikan anak muridnya. Dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, dia akan mencipta beberapa inovasi agar pengajarannya menarik perhatian dan murid faham apa-apa yang diajar. Apabila mendapati anak muridnya, Umar tidak menyiapkan latihan yang disuruh, dia ke rumah Umar untuk menyiasat masalah yang dihadapi oleh anak muridnya itu.

LATAR TEMPAT

1. Waning Sudi Mampir
 - contohnya sebuah kedai makan yang popular dengan hidangan rojak petis. Di tempat itu, Zahar dan Mawar bertemu ketika berada di bandar Pontian.
2. Kelas 4 Karisma
 - contohnya di kelas itulah, Qistina mengajar Bahasa Melayu kepada anak muridnya dalam suasana yang gamat dan menyeronokkan.
3. Tanjung Piai
 - semasa Zahar dan rakan-rakannya mencari spesies baharu ulat bulu. Tempat tersebut merupakan dataran berlumpur dan kawasan paya hutan bakau yang sekian lama menjadi tempat persinggahan pelbagai spesies burung pantai dan burung air yang berhijrah mencari makan.
4. Makmal Zahar
 - contohnya tempat Zahar membuat uji kaji berkaitan spesies ulat bulu yang ditemuiinya dan di tempat itu juga dia banyak meluangkan masa bersama-sama Fikri.
5. Pulau Pisang
 - contohnya tempat Zahar dan teman-temannya mencari spesies ulat bulu yang baharu untuk menggantikan spesies Pus Pus yang tenat. Di pulau itu, Zahar menemui spesies baharu yang dipanggil Monarch. Spesies itu kemudian melahirkan ulat bulu spesies baharu hasil cantuman dengan Pus Pus yang diberi nama Morgan.
6. Warung kopi Pak Mail
 - contohnya tempat penduduk Kampung Maju Jaya berkumpul pada setiap pagi untuk membincangkan masalah berkaitan serangan ulat bulu. Di tempat itu juga berlakunya pertelingkahan antara Ripin dengan Zahar sehingga Zahar cedera, kemudian dimasukkan ke Hospital Pontian.

LATAR MASYARAKAT

1. Masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan
Zahar sering menjalankan eksperimen untuk kepentingan masyarakat umum. Akhirnya dia berjaya mencipta formula MONPUS iaitu racun serangga yang dapat menghapuskan ulat bulu
2. Masyarakat yang suka berdendam
 - Ripin berdendam dengan Zahar dan sentiasa mencari jalan untuk berbuat provokasi dan khianat terhadap Zahar
3. Masyarakat yang berpendidikan tinggi
 - Zahar, Mawar, Fikri, Malcom belajar dalam bidang Sains Hayat di Universiti Teknologi Malaysia

NILAI MURNI

1. Kasih sayang

- contohnya Qistina amat menyayangi anaknya, Zahar. Dia bimbang akan keselamatan Zahar apabila penduduk kampung menyalahkan anaknya gara-gara membiaknya ulat bulu berintik hitam, lalu dia mencadangkan kepada anaknya itu memusnahkan makmalnya. Qistina juga mencadangkan agar mereka berpindah rumah sahaja.

2. Hemah tinggi

- contohnya Malcom Tan dan Fikri amat menghormati Qistina dan mereka berdua memanggil bekas gurunya itu "cikgu" walaupun telah meninggalkan alam persekolahan.

3. Semangat bermasyarakat

- contohnya Zahar bersimpati terhadap nasib penduduk Kampung Maju Jaya yang menghidap pelbagai penyakit seperti sakit kulit apabila diserang ulat bulu berintik hitam. Sebagai ahli masyarakat yang prihatin, dia berusaha mencari penawar agar wabak tersebut dapat dibendung.

4. Keberanian

- contohnya Zahar sanggup ke Pulau Pisang semula untuk mencari penawar bagi mengatasi penyakit gatal yang dialami oleh penduduk kampung setelah diserang ulat bulu berintik hitam walaupun hasratnya itu ditegah oleh ibu dan rakannya kerana keadaan di pulau itu berbahaya. Dengan keyakinan yang dimilikinya, dia pergi bersama-sama Fikri dan akhirnya menerusi penemuan dan kajian yang dilakukan, maka terhasillah MONPUS, iaitu sejenis agen biologi.

PENGAJARAN

1. Kita perlu mengasihi darah daging kita

- contohnya Qistina amat menyayangi anaknya, Zahar. Dia bimbang akan keselamatan Zahar apabila penduduk kampung menyalahkan anaknya gara-gara membiaknya ulat bulu berintik hitam, lalu dia mencadangkan kepada anaknya itu memusnahkan makmalnya. Qistina juga mencadangkan agar mereka berpindah rumah sahaja.

2. Kita mestilah memiliki sikap hemah tinggi

- contohnya Malcom Tan dan Fikri amat menghormati Qistina dan mereka berdua memanggil bekas gurunya itu "cikgu" walaupun telah meninggalkan alam persekolahan.

3. Kita seharusnya mcngamalkan semangat bermasyarakat

- contohnya Zahar bersimpati terhadap nasib penduduk Kampung Maju Jaya yang menghidap pelbagai penyakit seperti sakit kulit apabila diserang ulat bulu berintik hitam. Sebagai ahli masyarakat yang prihatin, dia berusaha mencari penawar agar wabak tersebut dapat dibendung.

4. Kita sewajarnya berani mengambil sesuatu keputusan

- contohnya Zahar sanggup ke Pulau Pisang semula untuk mencari penawar bagi mengatasi penyakit gatal yang dialami oleh penduduk kampung setelah diserang ulat bulu berintik hitam walaupun hasratnya itu ditegah oleh ibu dan rakannya kerana keadaan di pulau itu berbahaya. Dengan keyakinan yang dimilikinya, dia

pergi bersama-sama Fikri dan akhirnya menerusi penemuan dan kajian yang dilakukan, maka terhasillah MONPUS, iaitu sejenis agen biologi.

NOVEL TINGKATAN 3 - CHOT (Azizi Haji Abdullah)

TEMA

Tema novel Beruk ialah kasih sayang scsama makhluk ciptaan Tuhan. Buktinya, Alias amat menyayangi ibunya yang lumpuh. Alias meneruskan kehidupan setelah kematian ayahnya dengan berdikari. Dia mencari rezeki dengan memetik buah kelapa yang dilakukan oleh beruk kesayangannya, Chot. Dia tidak menghebahkan keadaan kemiskinan yang dihadapi kepada orang lain, termasuk keadaan ibunya yang lumpuh, sebaliknya berusaha mencari wang untuk membeli makanan dan ubat-ubatan. Alias juga amat menyayangi beruknya, Chot. Dua kali Chot hilang dan Alias berusaha mencari Chot. Dia tidak dapat melelapkan mata apabila mendapati Chot hilang. Bagi Alias, punca rezekinya akan hilang jika Choi tidak ditemui. Hal ini demikian kerana Chot berperanan meraetik buah kelapa di kebun Pak Din, kemudian Pak Din akan memberi upah berdasarkan jumlah buah kelapa yang dipetik. Chot dijaga dengan rapi termasuklah dimandikan, disuap nasi, dan diberikan pisang. Chot juga amat menyayangi Alias. Ketika Cikgu Sunan memeriksa telinga Alias yang bernanah, Chot merasakan Cikgu Sunan mahu mengapa-apakan Alias menyebabkan Chot menerkam dan menggigit lengan guru itu. Alias juga menyayangi rakannya, Som. Alias tidak teragak-agak membantu Som yang lemah dalam rnata pelajaran Matematik, sebagai tanda kasih sayangnya terhadap sahabatnya itu.

WATAK DAN PERWATAKAN

Alias

- Berumur 11 tahun.
- Tinggal bersama-sama dengan ibunya yang lumpuh di Kampung Dingin.
- Bijak.
- Sayang akan haiwan peliharaan.
- Tidak berdendam.
- Bertanggungjawab.
- Sanggup berkorban.
- Mementingkan pelajaran.

Chot

- Seekor beruk peliharaan Alias.
- Bermata bening, berbulu cering, berekor pendek, dan bergigi putih tajam.
- Tinggal di dalam kotak sabun di atas pokok langsat.
- Beruk yang bijak.
- Takut akan air.
- Setia pada tuannya.
- Beruk yang garang dan ganas.

Som

- Berumur 11 tahun.
- Anak bongsu Pak Din.
- Mementingkan persahabatan.
- Pandai menyimpan rahsia.
- Tekun belajar.
- Simpati terhadap rakan.
- Bijak mengawal perasaan.

Cikgu Sunan

- Cikgu Sunan memiliki tubuh yang tinggi dan bermisai.
- Dia mempunyai sebuah kereta Volvo.
- Cikgu Sunan berasal dari bandar.
- Dia sudah lima tahun mengajar di sekolah Alias.
- Seorang yang tegas.
- Seorang yang panas baran.
- Seorang guru yang rajin.
- Seorang yang memandang hina terhadap orang lain.
- Seorang yang menghargai jasa orang lain.
- Seorang yang sedar akan kesilapan.

PERSOALAN

1. Kemiskinan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman
 - contohnya Alias dan ibunya, Puan Leha tinggal di pondok buruk. Mereka bergantung belas ihsan jiran yang memberi makanan dan bergantung pada upah yang diterima hasil kerja memetik buah kelapa yang dilakukan oleh beruk peliharaannya.
2. kanak-kanak yang menjalani kehidupan secara berdikari
 - contohnya Alias yang berusia 11 tahun meneruskan kehidupan setelah kematian ayahnya dengan berdikari. Dia mencari rezeki dengan memetik buah kelapa yang dilakukan oleh beruk kesayangannya, Chot. Dia tidak menghebahkan keadaan kemiskinan yang dihadapi kepada orang lain, termasuk keadaan ibunya yang lumpuh, sebaliknya berusaha mencari wang untuk membeli makanan dan ubat-ubatan.
3. Penduduk kampung yang mengamalkan semangat bermasyarakat
 - contohnya penduduk Kampung Dingin suka membantu jiran tetangga. Buktinya, Mak Su Kiah akan menyediakan makanan tengah hari untuk ibu Alias, Puan Leha. Pak Din pula selalu menjenguk ke rumah Alias untuk membantu keluarga itu dan seterusnya mengupah Alias memetik buah kelapa di kebunnya.
4. Kebijaksanaan manusia yang bertindak secara rasional
 - contohnya Alias amat menyayangi beruknya, Chot dan dia juga menyayangi Cikgu Sunan. Ketika Chot mengamuk dan menggigit lengan guru itu, Alias terpaksa mengambil tindakan segera dengan merodok perut Chot menggunakan lembing. Akhirnya, Cikgu Sunan selamat tetapi Chot pula mati.

5. Persoalan sikap manusia yang memiliki cara hidup berhemah tinggi
 - contohnya Alias melayan ibunya dengan baik. Dia tidak pernah membantah kata-kata ibunya. Dia bertanggungjawab menyediakan keperluan ibunya tanpa rasa terbeban. Dia juga akan berbaring di sisi ibunya sambil bertasbih dan ibunya pula akan berzikir.

LATAR TEMPAT

1. Sebuah rumah yang uzur
 - contohnya rumah yang didiami oleh Alias dan ibunya, Puan Leha. Rumah tersebut jika ada ribut rumah akan roboh, dinding papan buruk dan buluh yang sudah berkulat, dan atap daripada daun nipah.
2. Kebun Pak Din
 - contohnya di kebun kelapa dan di kebun itulah Alias mengarahkan beruknya, Chot memetik buah kelapa.
3. Sebuah sekolah rendah di pedalaman
 - contohnya sekolah tempat Alias dan Som belajar dalam darjah lima. Guru besar sekolah tersebut ialah Cikgu Tapa dan guru Matematik pula Cikgu Sunan.
4. Sebatang sungai
 - contohnya tempat Alias membawa beruknya, Chot mandi.

LATAR MASYARAKAT

- Masyarakat yang sayang akan haiwan peliharaan.
- Masyarakat yang terlalu mengikut perasaan.
- Masyarakat yang berdikari.
- Masyarakat yang bekerjaya sebagai pendidik.
- Masyarakat yang bersympati terhadap orang lain.
- Masyarakat yang mementingkan pelajaran.

NILAI MURNI

1. Kasih sayang
 - contohnya Alias amat menyayangi beruk peninggalan ayahnya, Chot. Dua kali Chot hilang dan Alias berusaha mencari Chot. Dia tidak dapat melelapkan mata apabila mendapati Chot hilang. Chot dimandikan, disuap nasi, dan diberikan pisang. Chot juga amat menyayangi Alias. Ketika Cikgu Sunan memeriksa telinga Alias yang bernanah, Chot merasakan Cikgu Sunan mahu mengapakah Alias lantas menerkam dan menggigit lengan guru itu.
2. Berdikari
 - contohnya Alias menejuskan kehidupan setelah kematian ayahnya dengan berdikari. Dia mencari rezeki dengan memetik buah kelapa yang dilakukan oleh beruk kesayangannya. Dia tidak menghebahkan keadaan kemiskinannya kepada orang lain, termasuk keadaan ibunya yang lumpuh, sebaliknya berusaha mencari wang untuk membeli makanan dan ubat-ubatan.
3. Semangat bermasyarakat
 - contohnya penduduk Kampung Dingin suka membantu jiran tetangga. Buktinya, Mak Cik Kiah akan menyediakan makanan tengah hari untuk ibu Alias, Puan

Leha. Pak Din pula selalu menjenguk ke rumah Alias untuk membantu keluarga itu dan seterusnya mengupah Alias memetik buah kelapa di kebunnya.

4. Baik hati

- contohnya Alias dengan perasaan bangga membersihkan kereta Cikgu Sunan, walaupun guru itu selalu memarahi dan mengherdiknya. Pak Din pula sanggup membeli ubat batuk untuk ibu Alias dan dia memberi upah yang berpatutan berdasar kerja yang dilakukan oleh Alias.

5. Rasional

- contohnya Alias amat menyayangi beruknya, Chot dan dia juga menyayangi Cikgu Sunan. Ketika Chot mengamuk dengan menggigit lengan guru itu, Alias terpaksa mengambil tindakan segera dengan merodok perut Chot menggunakan lembing. Akhirnya Cikgu Sunan selamat manakala Chot pula mati.

6. Hemah tinggi

- contohnya Alias melayan ibunya dengan baik. Dia tidak pernah membantah kata-kata ibunya. Dia bertanggungjawab menyediakan keperluan ibunya tanpa rasa terbeban. Dia juga akan berbaring di sisi ibunya sambil bertasbih dan ibunya pula akan berzikir.

PENGAJARAN

1. Kita perlu mempunyai perasaan kasih sayang terhadap haiwan

- contohnya Alias amat menyayangi beruk peninggalan ayahnya, Chot. Dua kali Chot hilang dan Alias berusaha mencari Chot. Dia tidak dapat melelapkan mata apabila mendapati Chot hilang. Chot dimandikan, disuap nasi, dan diberikan pisang. Chot juga amat menyayangi Alias. Ketika Cikgu Sunan memeriksa telinga Alias yang bernanah, Chot merasakan Cikgu Sunan mahu mengapakah Alias lantas menerkam dan menggigit lengan guru itu.

2. Kita hendaklah menjalani kehidupan secara berdikari dengan berusaha sendiri

- contohnya Alias meneruskan kehidupan setelah kematian ayahnya dengan berdikari. Dia mencari rezeki dengan memetik buah kelapa yang dilakukan oleh Chot. Dia tidak menghebahkan keadaan kemiskinannya kepada orang lain, termasuk keadaan ibunya yang lumpuh, sebaliknya berusaha mencari wang untuk membeli makanan dan ubat-ubatan.

3. Kita haruslah mempunyai semangat bermasyarakat

- contohnya penduduk Kampung Dingin suka membantu jiran tetangga. Bukti, Mak Su Kiah akan menyediakan makanan tengah hari untuk ibu Alias, Puan Leha. Pak Din pula selalu menjenguk ke rumah Alias untuk membantu keluarga itu dan seterusnya mengupah Alias memetik buah kelapa di kebunnya.

4. Seterusnya kita sepatutnya memiliki sikap baik hati

- Alias dengan perasaan bangga membersihkan kereta Cikgu Sunan, walaupun guru itu selalu memarahi dan mengherdiknya. Pak Din pula sanggup membeli ubat batuk untuk ibu Alias dan dia memberi upah yang berpatutan berdasar kerja yang dilakukan oleh Alias.

5. Kita sewajarnya bertindak secara rasional

- contohnya Alias amat menyayangi beruknya, Chot dan dia juga menyayangi Cikgu Sunan. Ketika Chot mengamuk dengan menggigit lengan guru itu, Alias

terpaksa mengambil tindakan segera dengan merodok perut Chot menggunakan lembing. Akhirnya Cikgu Sunan selamat manakala Chot pula mati.

6. Kita perlu bersikap hemah tinggi

- contohnya Alias melayan ibunya dengan baik. Dia tidak pernah membantah kata-kata ibunya. Dia bertanggungjawab menyediakan keperluan ibunya tanpa rasa terbeban. Dia juga akan berbaring di sisi ibunya sambil bertasbih dan ibunya pula akan berzikir.